

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan maklumat utama mengenai program pembiayaan Go Halal SME (GHF). Program ini menawarkan pelbagai kemudahan produk. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada PDS produk berkenaan di laman sesawang Bank bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk yang ditawarkan dalam program ini. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia sangat membantu, maka anda juga digalakkan untuk membacanya.

1 APAKAH ITU PROGRAM PEMBIAYAAN GO HALAL SME?

- Program Pembiayaan GO Halal SME (GHF) ialah pembiayaan patuh Syariah yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad untuk membantu perusahaan mikro dan PKS dalam sektor halal. Pembiayaan ini boleh digunakan untuk modal kerja, kos pensijilan halal, pengembangan perniagaan dan pengukuhan operasi.
- Produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah program ini adalah:
 - a) Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i),
 - b) Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i),
 - c) Kemudahan Perdagangan (MTF) yang merangkumi *Letter of Credit-i* (LC-i), Tawarruq Perdagangan-i (TTQ-i), Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (TWCF-i), Jaminan Perkapalan-i (SG-i) dan Jaminan Bank-i (BG-i) ; dan
 - d) Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i),
- BF-i dan BCL-i ditawarkan pada kadar berubah berasaskan konsep Tawarruq. Ansuran bulanan mungkin berubah mengikut perubahan Kadar Asas Pembiayaan (KPA) semasa, dengan syarat jumlah bayaran tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.
- Untuk BF-i dan BCL-i, Kontrak Syariah yang digunakan ialah Tawarruq, yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan pelanggan membeli komoditi daripada Bank Islam (sebagai ejen pembelian pelanggan) secara Murabahah (jualan kos tambah) pada Harga Jualan Bank Islam. Seterusnya, Bank Islam (yang bertindak sebagai ejen jualan pelanggan) menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga pada harga kos secara tunai dan serta-merta, dan hasil jualan akan diberikan kepada pelanggan. Pelanggan dikehendaki membayar Harga Jualan Bank Islam mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui.
- **Untuk Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i)**
Di bawah program ini, pelanggan boleh melakukan transaksi pertukaran asing untuk nilai 'SPOT' dan 'FORWARD'.
 - a) **NILAI SPOT** - Kontrak Syariah yang digunakan ialah Bai' al-Sarf iaitu kontrak pertukaran wang dengan wang yang sama atau jenis berbeza.
 - b) **NILAI FORWARD** - Kontrak Syariah yang digunakan ialah Bai' al-Sarf dan Wa'd - Wa'd adalah janji sebelah pihak. Ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. Di bawah perjanjian ini, Bank dibenarkan untuk memasuki urusan niaga 'FX Forward' berdasarkan janji sebelah pihak iaitu mengikat hanya pada pemberi janji.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi untuk BF-i:

- Amaun Pembiayaan = RM100,000.00
- Ansuran Bulanan = RM1,607.39
- Tempoh Pembiayaan = 7 tahun
- Kadar Keuntungan Siling = 15.00% setahun
- Harga Jualan Bank = RM162,093.12
- Kadar Keuntungan Efektif (EPR) = 8.97% setahun [KPA (6.47% setahun) + 2.50% setahun]

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM135,020.76 pada akhir 7 tahun.

Bagi BF-i and BCL-i, anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. **Duti setem:** 0.50% daripada jumlah pembiayaan.
- II. **Fi ejen:** RM50.00.
- III. **Yuran guaman dan pengeluaran termasuk fi kepada firma guaman:** Untuk penyediaan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrutan (jika berkenaan).
- IV. **Caj bayaran lewat:** 1.00% setahun ke atas ansuran tertunggak.
- V. **Fi jaminan yang dikenakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP):** Sehingga 1.00% setahun daripada jumlah perlindungan sehingga tamat tempoh pembiayaan dan fi jaminan bergantung kepada skim SJPP. [Tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 8.00%].
- VI. **Pembatalan pembiayaan:** Semua kos yang ditanggung oleh Bank Islam, jika ada, bagi penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti serta perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan selepas pembatalan.

Nota: Sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com/> untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj termasuk caj Kemudahan Perdagangan (MTF).

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran / bayaran bulanan anda tepat pada masanya. Hubungi kami sekiranya anda ingin membuat penyelesaian awal pembiayaan anda.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** sekiranya Kadar Pembiayaan Asas (KPA) meningkat.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

*KPA dianggarkan pada kadar 6.47% setahun dengan spread (BF-i) 2.50% setahun dan (BCL-i) 2.50% setahun. Sila rujuk laman web Bank Islam untuk kadar KPA terkini. <https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/>

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu mengetahui bahawa:

Tiada tempoh kunci (lock-in-period) bagi kemudahan ini, dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertunda setelah penyelesaian penuh dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj pampasan/ Ta'widh).
- Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami berhak mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan melaksanakan semua remedi yang tersedia di bawah perjanjian sekuriti.
- Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan

Kadar Keuntungan Efektif yang ditawarkan mungkin berubah-ubah sepanjang tempoh pembiayaan bagi kemudahan dengan kadar berubah. Peningkatan dalam KPA bermaksud anda perlu membayar **ansuran bulanan yang lebih tinggi**.

Contoh kadar berubah BF-i adalah seperti di bawah:

	Kadar semasa 8.97% setahun	Kenaikan kadar 1.00% setahun	Kenaikan kadar 2.00% setahun
Ansuran Bulanan	RM1,607.39	RM1,658.57	RM1,710.67
Jumlah Keuntungan	RM35,020.76	RM39,319.88	RM43,696.28
Jumlah Bayaran	RM135,020.76	RM139,319.88	RM143,696.28

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan anda.
- Perlindungan Takaful adalah pilihan, namun anda atau pembekal anda digalakkan untuk melanggan, mana-mana perlindungan Takaful yang sesuai.
- Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran untuk membolehkan anda meneruskan penyerahan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu, pemilik tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami di
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan:

(Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan faham akan tujuan tandatangan yang diberikan.

- ☐ Saya mengakui bahawa Bank Islam telah memberikan saya Salinan PDS ini.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

- ☐ Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)
- ☐ Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)
- ☐ Letter of Credit-i (LC-i)
- ☐ Tawarruq Perdagangan-i (TTQ-i)
- ☐ Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (TWCF-i)
- ☐ Jaminan Perkapalan-i (SG-i)
- ☐ Jaminan Bank-i (BG-i)
- ☐ Kontrak Tukaran Asing-i (FEC-i)

Nama:
Tarikh: